

Reaksi pelabur punca saham Maybank terus menjunam

BH 21 SEP 2002

MALAYAN Banking Bhd (Maybank) berkata, kejatuhan berterusan harga saham dalam akaunter perbankan termasuk sahamnya adalah berikutan reaksi keterlaluan pelabur terhadap amaran kerajaan untuk menaikkan kadar Keperluan Rizab Berkanun (SRR).

Timbalan Presidennya, Hooi Lai Hoong, berkata kejatuhan harga saham Maybank sebanyak 55 sen dalam tempoh dua hari sejak kelmarin berikutan amaran kerajaan itu adalah keterlaluan.

Beliau berkata, ini berikutan kenaikan SRR tidak akan memberi kesan ketara kepada Maybank kerana jika ia dinaikkan sebanyak satu mata peratusan sekalipun, Maybank hanya akan kehilangan pendapatan sebanyak kira-kira RM15 juta setahun.

"Jika berlaku perubahan dalam kadar asas pinjaman (BLR) pula, walaupun ada kesan jangka pendek kepada perolehan, ia tidak memberi kesan ketara kepada Maybank," katanya pada taklimat media Maybank sempena

Minggu Pelabur di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), di Kuala Lumpur, semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan Bajet 2003 berkata, kerajaan mungkin terpaksa menaikkan SRR jika kegiatan pemberian pinjaman oleh bank adalah tidak memuaskan.

SRR adalah rizab tunai minimum yang perlu disimpan bank di Bank Negara (BNM). Ia tidak dibayar sebarang faedah.

Ketika ini kadar SRR ialah empat peratus.

Berikutan amaran Perdana Menteri itu, saham akaunter perbankan sejak kelmarin menyaksikan kemerosotan.

Pada penutup dagangan semalam, Indeks Kewangan jatuh 104.6 mata kepada 5,784.6 mata.

Saham Maybank semalam jatuh 25 sen untuk ditutup pada RM8.05 selepas merosot 30 sen kelmarin.

Sementara itu, Hooi berkata, Maybank mensasarkan pertumbuhan pinjaman antara enam hingga tujuh peratus bagi tahun

kewangan semasa berakhir Jun 2003.

"Kami yakin masih banyak lagi kapasiti yang tidak digunakan sepenuhnya terutamanya dalam perbankan pengguna dan pinjaman kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

"Bagaimanapun, kami akan terus memerhatikan keadaan ekonomi terutamanya ekonomi global yang tidak menentu ketika ini," katanya.

Beliau berkata, Maybank akan terus berhati-hati terutama dalam keadaan yang sukar diramalkan ketika ini seperti serangan terhadap Iraq, tekanan terhadap ekonomi Amerika Syarikat dan keadaan politik global yang belum stabil.

Beliau berkata, Maybank juga mensasarkan penurunan dalam paras pinjaman tidak berbayar (NPL) syarikat yang berada pada tahap 6.87 peratus pada Jun 2002.

Hooi berkata, kadar faedah dijangka kekal stabil berdasarkan kepada kadar kecairan yang tinggi di pasaran tunai ketika ini.